

DATE: 25 JULY 2014
PUBLICATION: HARIAN METRO
SECTION: BUSINESS SECTION
HEADLINE: REACH ENERGY AIMS TO RAISE RM 750 MILLION
CATEGORY: COMPANY NEWS
MEASUREMENT: 294 SQ CMS

Sasar IPO jana RM750j

Tawaran awam permulaan babit terbitan 980 juta saham

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Reach Energy Berhad, menasarkankan menajana RM750 juta daripada tawaran awam permulaan (IPO) dengan 94.75 peratus atau RM710.62 juta daripadanya di bawah akaun amanah Islamik.

Pengarah Urusannya, Ir Shahul Hamid Mohd Ismail berkata, IPO Reach Energy membabitkan terbitan 980 juta saham awam bersama waran pada asas satu untuk satu bagi pelabur terpilih.

Katanya, manakala 20 juta saham terbitan awam pula akan ditawarkan kepada orang ramai dengan harga permulaan RM0.75 sesaham.

"Berdasarkan rancangan

penyenaraian, 94.75 peratus hasil dijana daripada IPO diperuntukkan untuk membeli sasaran aset atau syarikat lain, manakala baki 5.25 peratus lagi bagi modal kerja serta perbelanjaan penyenaraian.

"Kami juga akan memberi tumpuan pada aset 'brownfield' atau projek yang sudah dibangunkan berikutan risikonya lebih rendah," katanya di sini, semalam.

Menurutnya, Reach Energy komited menjadi syarikat cari gali dan pengeluaran bebas global yang berpangkalan di Malaysia.

Shahul berkata, pihaknya sentiasa bersedia untuk pembangunan syarikat itu bagi menampung permin-

FAKTA
94.75% hasil dijana diperuntukkan untuk beli sasaran aset atau syarikat lain



SHAHUL Hamid (kiri) bersama Pengarah Pengurusan Kumpulan Hong Leong Investment Bank, Lee Jim Leng, Pengerusi dan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Reach Energy, Izlan Izzah (kanan) pada pelancaran prospektus syarikat di The Westin, Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

taan syarikat besar dalam industri minyak dan gas.

Beliau berkata, pihaknya juga yakin dapat memenuhi sasaran dan menawarkan nilai kepada pemegang saham berikutan latar belakang pengurusan syarikat yang mahir dalam industri.

Hong Leong Investment Bank adalah penasihat utama, ejen penempatan dan penaja jamin IPO Reach Energy. Garis panduan baru Suruhanjaya Sekuriti ke atas penubuhan SPAC mensyaratkan sekurang-kurangnya 90 peratus daripada dana IPO dimasukkan ke dalam akaun amanah.

SPAC adalah syarikat yang tidak memiliki operasi atau perniagaan yang menajana pendapatan pra IPO, yang mana dana dijana daripada IPO akan digunakan sepenuhnya untuk membeli operasi, perniagaan atau aset pihak ketiga, dikenali sebagai perolehan kelayakan.